

UCAPAN Y.B. TAN SRI FATIMAH BT. HAJI  
HASHIM, MENTERI KEBAJIKAN AM MALAYSIA  
DALAM MAJLIS PENUTUPAN KURSUS PIMPINAN  
YANG DIANJURKAN OLEH PERSATUAN PALANG  
MERAH, SINGAPURA/MALAYSIA PADA HARI  
SABTU 2HB. DISEMBER, 1972, DI PUSAT  
LATIHAN BOMBA, KUALA KUBU BARU, SELANGOR

---

*Jan 10.00 pagi*

Yang Mulia Tuan Pengerusi,

saudara-saudara sekalian yang hadir:

Saya berasa gembira kerana mendapat peluang bersama-sama dengan saudara-saudara di Majlis Penutupan Kursus Pimpinan Belia dan bertemuramah dengan semua peserta-peserta terutamanya mereka yang datang dari negeri-negeri yang berjiran iaitu Singapura, Indonesia dan Thailand. Kehadiran saudara-saudara adalah menandakan bukan sahaja semangat kerjasama antara kawasan bahkan jua membuktikan hasil pemandangan jauh dan kepintaran pihak yang menganjurkan kursus ini. Dengan kursus ini, penganjur-penganjurnya adalah melaksanakan pada praktiknya satu daripada dasar-dasar Persatuan Palang Merah Malaysia yang mana ialah memajukan pimpinan di kalangan orang-orang muda. Dasar ini adalah secukupnya dengan salah satu objektif yang penting Kerajaan Malaysia yang mana ialah untuk memajukan belia-beliannya supaya menjadi rakyat yang cekap dan berguna kepada masyarakat. Tugas ini adalah berat apabila kita memandangkan bahawa 60% daripada penduduk negara ini berumur ke bawah daripada 25 tahun. Tugas ini adalah juga penting oleh sebab masa depan negara kita adalah bergantung kepada mutu dan kebolehan pemuda-pemuda hari ini.

Satu lagi dasar Persatuan Palang Merah Malaysia yang dititikberatkan ialah membawa pergerakan Palang Merah ini ke kawasan-kawasan luarbandar. Oleh itu saya sungguh sukacita melihatkan bahawa salah satu daripada perkara yang dibincangkan dalam kursus ini ialah penyertaan belia-belia dalam projek-projek masyarakat. Banyak peluang-peluang bagi belia kita menyumbangkan tenaga mereka di kawasan-kawasan luarbandar dengan memberi pimpinan dan mengelolakan kerja-kerja gotong-royong dan lebih-lebih lagi menanamkan perasaan bangga bekerja dan tinggal di kawasan-kawasan luarbandar. Aktiviti-aktiviti saudara-saudara di kawasan-kawasan luarbandar akan menolong memberi makna dan tujuan hidup kepada kumpulan-kumpulan masyarakat yang tinggal di situ dan dengan itu akan menolong mengurangkan perpindahan orang-orang kampung ke bandar-bandar besar yang mana Kerajaan sedang berikhtiar mengurangkannya.

Perbincangan-perbincangan berkenaan dengan menyalahgunakan dadah yang telah dipimpin oleh pihak-pihak yang pakar seharusnya telah meluaskan pengetahuan kita berhubung dengan masalah-masalah narkotik. Percubaan



memakan dan ketagihkan pil-pil mungkin akan menjadi satu problem yang rumit dan merosakkan jika kita tidak sentiasa berwaspada terhadap penyeludupan dadah-dadah dan cara menggunakannya yang salah. Tetapi jika perjuangan terhadap penyalahgunaan dadah ini hendak berjaya, kerjasama ibubapa, guru-guru, pemimpin-pemimpin belia dan orang-orang perseorangan yang mengambil bahagian dalam didikan orang-orang muda adalah penting. Langkah-langkah positif yang diambil oleh Kerajaan telah menimbulkan penubuhan sebuah Biro Anti-Narkotik untuk mengawal penyeludupan dadah dan juga penubuhan sebuah Jawatankuasa Antara-Kementerian yang akan menentukan jenis-jenis penyalahgunaan dadah, membantu dan memulihkan mereka yang telah menjadi ketagih dan juga menumpukan kepada langkah-langkah pencegahan. Sebagai pemimpin-pemimpin belia saudara-saudara mempunyai peranan yang penting. Saudara-saudara boleh mengedarkan pengetahuan berkenaan dengan bahaya penyalahgunaan dadah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh saudara yang mana adalah bermakna dan kreatif, boleh menolong mereka yang bergaul dengan kita menjadi orang-orang yang berkemajuan yang mempunyai tujuan hidup yang bermakna. Dan oleh kerana itu, mereka boleh menahan segala perit-jerih hidup dalam masyarakat moden yang mana telah menyebabkan mereka yang lemah dan kurang penyesuaian mencari kepuasan sementara dengan menggunakan dadah. Saya juga sedar bahawa kebanyakan daripada saudara adalah terdiri daripada guru-guru dan oleh itu mempunyai kuasa pemahaman dan pengaruh untuk memainkan peranan bagi menolong orang-orang muda menjauhkan diri daripada dadah.

Saudara-saudara yang berkecimpung dalam pergerakan ini sudah sepatutnya boleh berbangga oleh sebab Persatuan ini menjadi sebahagian daripada pertubuhan Antarabangsa yang mempunyai tradisi perkhidmatan yang mendapat sokongan di seluruh dunia. Jika dapatlah Pengasas Pergerakan Palang Merah ini menyaksikan Persatuan Palang Merah Malaysia pada hari ini, nescaya ia akan mendapati bahawa tradisi perkhidmatannya adalah diamalkan di negeri ini. Banjir yang berlaku baru-baru ini di Kuala Lumpur membuktikan kesanggupan dan kesediaan Palang Merah Malaysia untuk berkhidmat. Dalam masa-masa dzarurat yang lampau, Persatuan Palang Merah Malaysia adalah antara mereka yang pertama sekali sampai ke tempat-tempat male petaka itu. Pengasas Pergerakan ini akan melihat bahawa sungguhpun tradisi pergerakan ini telah dikekalkan tetapi bentuk perkhidmatannya telah bertukar. Perkhidmatan ambulan yang bergerak 24 jam sehari, yunit-yunit dapur yang bergerak yang boleh memasak makanan mencukupi bagi 250 orang sekali masak adalah terkenal yang mana telah tumbuh mengikut keadaan di sini. Inilah yang sepatutnya terjadi. Untuk terus menjadi sebuah Pertubuhan yang dinamis, Persatuan Palang Merah Malaysia hendaklah sentiasa mencuba rancangan-rancangan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang sesuai dengan keadaan dan keperluan rakyat negeri ini. Inilah yang telah menyebabkan Persatuan ini, umpamanya, melancarkan satu projek makanan berzat percubaan di Bachok, Kelantan di mana ahli-ahli belia telah mengedarkan biskut-biskut berprotin banyak kepada murid-murid sekolah. Seperti yang telah saya nyatakan



tadi, Pergerakan Palang Merah sekarang sedang menumpukan tenaganya kepada aktiviti-aktiviti yang boleh mencungkil bakat-bakat pimpinan yang ada di kalangan orang-orang muda.

Oleh itu saya berharap saudara berasa bangga setelah mengambil bahagian dalam kursus ini dan mempunyai semangat bagi melaksanakan apa yang telah dipelajari bagi mengekalkan tradisi perkhidmatan Pergerakan ini yang tidak mementingkan faedah diri.

Dengan ini saya dengan sukacitanya menutup kursus ini dengan resminya.